



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA
JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN
INTEGRASI NASIONAL

KENYATAAN MEDIA

MAJLIS PELANCARAN ANUGERAH MY HERO 4.0

18 MAC 2023, KUALA LUMPUR – Majlis Pelancaran Anugerah My Hero 4.0 Tahun **2023** hari ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Dr. Kang Tong Hum; Timbalan Ketua Setiausaha, Kementerian Perpaduan Negara bertempat di Dewan Seng Peng, Wisma Chinese Chamber, Jalan Ampang, Kuala Lumpur.

2. Program anjuran Jabatan Perpaduan Negara Dan Integrasi Nasional, Kementerian Perpaduan Negara (JPNIN) ini mendapat kerjasama Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur dan Selangor (The Chinese Chamber of Commerce and Industry of Kuala Lumpur & Selangor, KLSCCCI).

3. Penganugerahan **My Hero 4.0** merupakan satu inisiatif yang memberi pengiktirafan kepada rakyat Malaysia yang menunjukkan ketabahan, keberanian dan keazaman yang tinggi dalam membantu rakyat dari kaum lain. Inisiatif ini juga secara tidak langsung dapat meningkatkan keharmonian antara kaum dalam negara.

4. Penerima anugerah **My Hero** merupakan wira yang tidak didendangkan dan tidak pernah menerima pengiktirafan daripada mana-mana pertubuhan atau mana-mana individu. Usaha mereka membantu, berkorban dan memberi sumbangan tanpa mengambil kira soal perbezaan darjat, kaum, agama dan budaya diiktirafkan.

5. Anugerah **My Hero** pada tahun 2023 merupakan penganjuran untuk edisi keempat. Sehingga kini, seramai **18 orang wira** dan wirawati **My Hero** yang terdiri dari pelbagai kaum telah dinobat bermula dari tahun **2014, 2016** dan **2018**.

6. Bagi menghargai jasa dan sumbangan para penerima anugerah **My Hero** yang lepas, mereka telah dilantik sebagai **Duta Perpaduan** dan telah dilibatkan dalam program-program perpaduan bagi memberi inspirasi dan menyampaikan mesej serta

nilai-nilai murni yang perlu diamalkan oleh seluruh rakyat terutama generasi muda dalam meneratkan hubungan antara kaum.

7. Sumbangan dan kisah kejayaan penerima Anugerah **My Hero 2014** dan **2016** juga telah diterbitkan dalam Buku Teks Tahun Lima (5) Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Rendah Kebangsaan (SRK) pada tahun 2021 sebagai suntikan semangat patriotisme dalam diri pelajar-pelajar sekolah rendah kepada agama, bangsa dan negara.

8. Program **My Hero** yang dikategorikan di bawah **Kluster Program Semarak Perpaduan** merupakan kolaborasi yang sangat bertepatan dengan nilai-nilai Malaysia MADANI yang dibawa YAB Perdana Menteri Malaysia ke-10 iaitu penglibatan Badan Bukan Kerajaan (NGO) bersama Kerajaan dalam mencipta lonjakan baharu yang lebih harmoni, sejahtera, adil dan makmur dalam memastikan keberhasilan dasar serta tindakan ke arah membangun Malaysia MADANI.

9. “Penganjuran program **My Hero** ini diharapkan akan mengukuhkan lagi hubungan semangat kekitaan antara kita semua sebagai rakyat Malaysia yang menjunjung tinggi Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara sebagai asas pembentukan negara serta usaha penyatupaduan rakyat demi kelestarian keharmonian negara yang kita cintai”, jelas Aaron.

10. Turut hadir, Ketua Pengarah JPNIN; YBhg. Dato' Hajah Norison Ramli, YBhg. Datuk Ng Yih Ping; Presiden Dewan Perniagaan Dan Perindustrian Cina Kuala Lumpur Dan Selangor dan YBhg. Tan Sri Datuk Ter Leong Yap; Pengasas Anugerah My Hero, Merangkap Presidien Seumur Hidup ACCCIM dan KLSCCCI.

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (Kementerian Perpaduan Negara)

18 Mac 2023

- TAMAT -

Pertanyaan Media

Bahagian Korporat,

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

No. Tel: 019-2671075 (YM Tengku Nor Liza Tengku Yahya), 019-39239379 (Jasittha)

E-mail: projpnin@perpaduan.gov.my

No. Rujukan: JPN.01/483/12 (7)